



SIARAN MEDIA

KPWKM OPTIMIS PROFESION KERJA SOSIAL TERUS DIPERKUKUH INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM) AGENSI PENERAJU LATIHAN DALAM BIDANG KERJA SOSIAL DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos 2023 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus komited memartabatkan profesion kerja sosial dengan menjadikan Institut Sosial Malaysia (ISM) sebagai agensi peneraju latihan dalam bidang kerja sosial di Malaysia. Antara usaha yang dijalankan adalah menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial yang sedang digubal bagi memartabatkan pekerja sosial yang profesional dan terlatih melalui aspek latihan yang dikendalikan oleh ISM.

Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan 2023 bertemakan “Menghormati Kepelbagaian Melalui Tindakan Sosial Bersama” dengan kerjasama Persatuan Pekerja Sosial Malaysia atau *Malaysian Association of Social Workers* (MASW) berlangsung pada 23 dan 24 Ogos 2023 di ISM dan disempurnakan oleh YB Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tujuan Sidang Kemuncak Kerja Sosial ini diadakan adalah untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pekerja sosial di Malaysia melalui penetapan hala tuju kerja sosial, mengukuhkan pelaksanaan praktis kerja sosial dari aspek perundangan termasuk pelan perlindungan ke atas pekerja sosial dan memberi pendedahan serta memperkukuhkan kefahaman pekerja sosial dalam usaha untuk mewujudkan satu undang-undang berkaitan profesion kerja sosial di Malaysia.

Seramai 200 orang peserta telah menghadiri sidang kemuncak ini secara bersemuka dan dalam talian termasuk rakan strategik dari Thailand, Filipina, Indonesia dan wakil *United Nations Children's Fund* (UNICEF) sebagai *speaker* yang berkongsi pengalaman dan idea dalam membangunkan undang-undang kerja sosial di negara masing-masing dan perkongsian input hala tuju profesion kerja sosial di Malaysia yang merangkumi *universal best practise* dalam praktis kerja sosial.

Sehingga hari ini, ISM telah berjaya melatih hampir 5,000 orang pegawai dan kakitangan pelbagai peringkat di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam pelbagai jenis kursus kerja sosial. Kementerian yakin penglibatan semua pihak sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan serta sektor swasta dan sektor ketiga (*The Third Sector*) yang merangkumi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan tidak berteraskan keuntungan (*non-profit*) memainkan peranan yang amat kritikal dalam pembangunan sosial negara.

Selain itu, MASW yang menyambut jubli emasnya pada 23 Ogos 2023 telah mewakili pekerja sosial Malaysia menyerahkan resolusi sidang kemuncak kepada YB Timbalan Menteri yang mengandungi cadangan-cadangan berkaitan hala tuju, latihan dalam praktis kerja sosial di Malaysia.

Turut hadir pada majlis perasmian hari ini ialah YBrs. Dr. Hajah Faridah binti Awang, Pengarah Institut Sosial Malaysia dan YBrs. Dr. Teoh Ai Hua, Presiden Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW).

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
24 OGOS 2023**